

Semarak nilai patriotisme melalui kolej kediaman

Pelbagai program dianjurkan bertemakan kemerdekaan sempena sambutan Hari Kebangsaan

UB 5.9.2014



TEMA Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini ialah 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' dimana ia menggambarkan warganegara Malaysia berbilang bangsa dalam keharmonian, seja sekata, sehati dan sejiwa yang membarakan perasaan sayang kepada negara. Penggunaan warna Jalur Gemilang pula menggambarkan kepelbagaian dalam satu perasaan, 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih'.

Setiap masyarakat perlu bersyukur nikmat kemerdekaan dengan menanam jauh di sudut hati rasa sayangkan negara. Lantaran itu, tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini perlulah dihayati dan direnung sedalam-dalamnya.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kol. (PA) Dr. Mohamad Nizam Nazaruddin, universiti adalah institusi yang melahirkan insan berilmu dan berdaya menyemarakkan segala ilmu yang ditimba sepanjang pengajian. Fakulti lazimnya berperanan sepanjang pengajian mahasiswa di universiti khususnya berkaitan akademik namun kolej kediaman adalah pusat pembelajaran kedua adalah pelengkap kepada fakulti. Kolej kediaman merupakan tempat penginapan pelajar sepanjang sesi pengajian sama ada di dalam atau di luar kampus.

Pelbagai persoalan timbul apabila patriotisme dikaitkan dengan kolej kediaman di



SEMARAK MERDEKA: Warga UMS menyemarakkan semangat 'Sayangi Malaysiaku'.

universiti. Bagaimana perasaan penghuni kolej kediaman apabila perkataan merdeka ini disebut atau dilafazkan? Adakah mereka merasa terharu? Adakah mereka berasa bersyukur? Atau paling tidak, adakah kita rasa bangga? Adakah penghuni kolej kediaman merasakan tanah air tercinta ini adalah satu harta warisan yang tak ternilai yang perlu dijaga dan dipertahankan bersama-sama? Apakah pula peranan kolej kediaman dalam menyemarakkan lagi rasa cintakan negara dalam kalangan penghuninya?

Patriotisme adalah mengenai rasa kasih sayang dan hormat kepada tanah air kita dimana ia mendorong seseorang untuk bekerja keras demi pembangunan negara dan melindungi teguh budaya dan warisan negara daripada kemusnahan.

Patriotisme boleh ditanam dalam kalangan penghuni kolej kediaman melalui kesedaran, pendidikan dan pengetahuan. Justeru itu tanggungjawab penghuni kolej kediaman hari ini adalah mencorakkan wajah dan masa depan, memelihara maruah dan kedaulatan negara agar tidak menemui kehancuran

oleh pelbagai masalah sosio-budaya, politik dan ekonomi.

Sudah menjadi kebiasaan acara-acara berupa perbarisan dan perarakan secara besar-besaran akan berlangsung dari pagi untuk menonjolkan semangat patriotisme antara semua lapisan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, warna dan bangsa. Adakah dengan pengisian kibarkan Jalur Gemilang atau menonton dokumentari sejarah kemerdekaan sahaja dianggap sudah mencukupi menyemarakkan patriotisme pada jiwa penghuni kolej kediaman?

Dari sudut bersama komuniti luar, para penghuni kolej menyertai pelbagai program dianjurkan berbentuk kesukarelawan dan khidmat komuniti seperti bersama warga emas, anak yatim, orang miskin dan penduduk kampung. Program sebegini akan membantu penghuni kolej kediaman menyelami realiti sebenar kehidupan masyarakat yang pelbagai rancid dan warna dan diharapkan suatu hari nanti apabila menjadi pemimpin, mereka akan menjadi pemimpin yang menjiwai makna kesusahan dan membela rakyat. Negara memerlukan pemimpin masa

depan yang bukan sahaja berani, jujur, memahami hati nurani dan mementingkan kebajikan rakyat serta bertanggungjawab, malah berkeperibadian mulia.

Di dalam kolej kediaman sendiri, pelbagai program turut menyemarakkan semangat patriotisme dianjurkan seperti seminar, forum dan pertandingan bertemakan kemerdekaan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan. Penghuni kolej kediaman yang memahami dan menghargai sejarah Malaysia, akan menjadi generasi yang berpengetahuan dan peka pada keadaan semasa. Contohnya di Negeri Sabah yang mempunyai pelbagai etnik, agama dan warna kulit telah melengkapinya dengan satu sama lain dan kepelbagaian ini tidak menjadi halangan untuk menjalani kehidupan yang harmoni.

Penghuni kolej kediaman meraikan kepelbagaian agama, adat resam dan budaya pelbagai kaum dalam kehidupan seharian mereka. Penghuni kolej kediaman menonjolkan semangat patriotik mereka melalui pelbagai medium seperti pertuturan, pemikiran dan tindakan. Kolej kediaman perlu berperanan

merapatkan jurang polarisasi kaum. Hidup sebagai penghuni kolej kediaman dengan pelbagai agama dan kaum memerlukan pengetahuan, kefahaman dan toleransi yang tinggi. Walaupun jurang polarisasi kaum semakin surut namun anasir negatif perkauman seperti mencari kesalahan orang lain, tiada kompromi dan kurang sensitiviti perlu dibuang jauh.

Pengajaran program kebudayaan di kolej kediaman juga membantu penghuninya lebih memahami keunikan dalam negara ini dan menyedari ia perlu dipertahankan demi paduan bersama. Melalui penghayatan kebudayaan melalui program di kolej kediaman ini dapat menyemai rasa cintakan kolej dan negara dan seterusnya dicurahkan kefahaman dan penghayatan terhadap patriotisme dalam bentuk pengamalan. Menterjemahkan rasa cinta kepada negara dengan menjadi rakyat yang baik dan sentiasa mengamalkan lima prinsip Rukun Negara. Penghuni kolej juga perlu sentiasa berfikir dan mencari jalan untuk berbakti kepada negara mengikut kemampuan masing-masing.



DR. MOHAMAD NIZAM NAZARUDIN

PATRIOTIK: Dr Nizam bersama mahasiswa UMS menjulang Bendera Malaysia, Sabah dan UMS.

Tidak dinafikan tugas menjaga keselamatan di kolej kediaman diterajui sepenuhnya oleh pihak yang berkenaan seperti polis bantuan dan pihak keselamatan. Namun begitu tanggungjawab ini juga sepatutnya digalas oleh setiap warga kolej seperti terdapatnya aktiviti rondaan pelajar yang terdiri daripada jawatankuasa kejaksaan kolej dan badan beruniform.

Dengan semangat patriotisme yang tinggi, warga kolej akan menjadi semakin peka dan prihatin terhadap keselamatan di kolej mereka dan apabila di luar nanti, mereka akan menyumbang kepada maruah serta keadulatan negara.

Baru-baru ini tindakan memasang Jalur Gemilang secara terbalik seperti yang tular di media sosial disifatkan sebagai provokasi melampau dan mencabar simbol kemerdekaan negara. Malah tindakan biadab itu dilihat jelas memperlekehkan Rukun Negara dan tidak menggambarkan sifat serta jati diri warganegara Malaysia. Maka amalan penghuni dan pengurusan kolej kediaman mengibarkan bendera bagi menyambut ulang tahun Kemerdekaan diteruskan.

Ini akan menyedarkan penghuni kolej dan seterusnya mereka akan menjadi agen perubahan kepada ahli masyarakat di luar yang masih kurang semangat patriotisme.

Secara kesimpulannya perpaduan dan integrasi di kolej kediaman lebih kuat dan bersemangat menerusi penanaman nilai patriotisme. Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran apabila rakyatnya bersatu dan begitu juga dengan suasana di kolej kediaman. Nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin, akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia.

Penghuni kolej kediaman menerima keunikan orang lain supaya mereka dapat hidup bersama dalam saling menghormati dan percaya. Inilah kunci kepada negara yang aman dan sejahtera maka kolej kediaman dilihat sebagai tempat paling sesuai dalam menyemarakkan lagi rasa cintakan negara setelah ditanam sejak dari kecil lagi.